

O.R. 31/90

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG INSURANS  
LUAR PESISIR 1990**

**SUSUNAN FASAL**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN AKTA**

3. Fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Bank.
4. Kerahsiaan di pihak Bank.

**BAHAGIAN III**

**PELESENAN PERNIAGAAN INSURANS LUAR PESISIR DAN  
AKTIVITI'AKTIVITI BERHUBUNGAN DENGAN INSURANS LUAR  
PESISIR**

5. Pelesenan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir.
6. Permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan insurans luar pesisir.
7. Permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir.
8. Syor Bank mengenai permohonan bagi mendapatkan lesen.
9. Pemberian lesen.
10. Penyiaran senarai semua pemegang lesen.
11. Pembatalan lesen.
12. Penyerahan balik lesen.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

Fasal

13. Akibat-akibat pembatalan atau penyerahan balik lesen.
14. Pemberitahuan perubahan maklumat.
15. Fee lesen tahunan.

## **BAHAGIAN IV**

### KEHENDAK-KEHENDAK KEWANGAN DAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN SERTA SEKATAN-SEKATAN ATAS PEMEGANG-PEMEGANG LESEN

16. Pelantikan juruaudit dan aktuari.
17. Margin kesolvenan.
18. Akaun berasingan hendaklah disimpan oleh penanggung insurans luar pesisir.
19. Pengemukaan penyata-penyata kewangan.
20. Subsidiari-subsidiari dan pejabat-pejabat pemegang lesen.
21. Sekatan atas perniagaan oleh penanggung insurans luar pesisir.
22. Sekatan-sekatan atas dan kewajipan-kewajipan pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir, dan broker insurans luar pesisir.
23. Senarai penanggung insurans luar pesisir hendaklah diberikan oleh pengurus insurans luar pesisir dan pengurus pengunderaitan luar pesisir.
24. Penjalanan perniagaan.
25. Kerahsiaan di pihak pemegang lesen.

## **BAHAGIAN V**

### PEMINDAHAN DAN PENGGULUNGAN

26. Pemindahan perniagaan insurans luar pesisir.
27. Penggulungan penanggung insurans luar pesisir.

## **BAHAGIAN VI**

### AM

28. Maklumat lanjui atau penjelasan boleh dikehendaki oleh Bank.
29. Kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti.

## Fasal

30. Kuasa Gabenor untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.
31. Kuasa untuk memberikan pengecualian.
32. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
33. Tanggung rugi. .
34. Tak terpakainya Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.
35. Pemakaian Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat 1965.
36. Pemakaian Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

JADUAL-JADUAL



## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengarmya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.  
Tajuk ringkas dan mula berkuasas.
2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—  
Tafsiran.

"aktuari" ertiannya seseorang, iaitu yang menjadi *Fellow* mana-mana persatuan profesional yang disenaraikan dalam Jadual Pertama atau seseorang yang diiktiraf oleh Bank sebagai seorang aktuari bagi maksud-maksud Akta ini, yang berada dalam senarai aktuari yang disenggara oleh Bank;

"akuan" ertinya pernyataan fakta-fakta bertulis yang ditandatangani dan dengan sesungguhnya diakui benar di hadapan pesuruhjaya atau pegawai kemajistretan atau notari awam oleh orang yang membuatnya;

"anggota", berhubungan dengan—

- (a) syarikat, ertinya pemegang syer;
- (b) badan berkanun, ertinya pemegang syer atau, jika badan berkanun itu tidak mempunyai modal syer, seseorang yang, seorang diri atau bersesama dengan orang-orang lain, menjadi pemunya badan berkanun itu;
- (c) perkongsian, ertinya pekongsi;
- (d) koperasi, ertinya pemegang saham atau pembayar yuran;
- (e) ketuanpunyaan tunggal, ertinya tuan punya tunggal; atau
- (f) mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, ertinya mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kepentingan pemunyaan dalam badan, persatuan atau kumpulan orang itu;

"Bank" ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan  
*Ord. 61/58.* oleh Ordinan Bank Negara Malaysia 1958;

"broker insurans luar pesisir" ertinya seseorang yang mengaturkan—

- (a) perniagaan insurans luar pesisir bagi pihak bakal-bakal pemunya polisi atau pemunya-pemunya polisi yang sedia ada; atau
- (b) perniagaan insurans semula luar pesisir bagi pihak mana-mana penanggung insurans yang mahu mendapatkan insurans semula;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"dokumen konstituen" ertinya statut, piagam, memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan,

kaedah-kaedah dan undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau suratcara lain, yang di bawahnya atau melalui seseorang itu ditubuhkan dan skop fungsi-fungsi, perniagaan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan orang itu dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

"Gabenor" ertinya Gabenor Bank, dan termasuklah Timbalan Gabenor Bank;

"juruaudit" ertinya seseorang, iaitu yang menjadi seorang juruaudit syarikat diluluskan di bawah Akta *Akta Syarikat Luar Pesisir 1990*, yang berada dalam senarai juruaudit yang disenggara oleh Bank;

"lesen" ertinya lesen yang diberikan di bawah sub-seksyen (1) seksyen 9;

"liabiliti" termasuklah segala jenis hutang, kewajipan dan obligasi, sama ada yang sedia ada atau yang akan ada pada masa hadapan, atau sama ada yang terletakhak atau kontingen;

"margin kesolvenan" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 17;

"mata wang asing" ertinya apa-apa mata wang selain daripada mata wang Malaysia;

"menentukan", jika caranya tidak disebut, ertinya menentukan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"orang" termasuklah mana-mana individu, perbadanan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi, perkongsian, dan mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan;

"pegawai", berhubungan dengan seseorang, ertinya pekerja dan termasuklah ketua pegawai eksekutif orang itu;

"pejabat" ertinya mana-mana tempat perniagaan;

"pemastautin" ertinya mana-mana orang yang ialah—

(a) warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia;

*Akta 155.* (b) pemegang permit masuk di bawah Akta Imigresen 1959/63 yang bermastautin dengan sah di Malaysia; atau

(c) suatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia, selain daripada Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, atau ditubuhkan sebagai syarikat asing di bawah Akta Syarikat 1965;

*Akta 125.*

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang dilesenkan di bawah subseksyen (1) seksyen 9;

"pemunya polisi" ertinya mana-mana orang yang mengambil sesuatu polisi;

"penanggung insurans" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan insurans;

"penanggung insurans luar pesisir" ertinya pemegang lesen yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir;

"penanggung insurans luar pesisir Malaysia" ertinya penanggung insurans luar pesisir yang ialah—

(a) subsidiari, yang ditubuhkan sebagai syarikat luar pesisir, bagi suatu syarikat Malaysia; atau

(b) cawangan suatu penanggung insurans Malaysia;

"penanggung insurans Malaysia" ertinya penanggung insurans yang ialah suatu syarikat Malaysia;

"penanggung insurans semula" ertinya seseorang yang menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai sedang menjalankan atau mengurusniagakan perniagaan insurans semula;

"pendapatan premium bersih", berhubungan dengan sesuatu tahun kewangan, ertiinya premium yang akan di-terima di bawah kontrak-kontrak insurans atau insurans semula selepas ditolak apa-apa premium yang kena dibayar bagi insurans-insurans semula yang diaturkan berkenaan dengan kontrak-kontrak insurans atau insurans semula itu;

"pengarah" termasuklah mana-mana orang yang menjawat kedudukan pengarah, dengan nama apa pun disebut, dan khususnya, tetapi tanpa menjelaskan yang tersebut di atas, dalam hal—

- (a) syarikat, ertiinya anggota lembaga pengarah;
- (b) koperasi, ertiinya anggota lembaga, atau badan pengelola lain, bagaimanapun juga disebut, bagi koperasi itu;
- (c) badan berkanun, ertiinya anggota lembaga, jawatankuasa atau majlis, atau badan pengelola lain, bagaimanapun juga disebut, bagi badan berkanun itu;
- (d) perkongsian, ertiinya pekongsi;
- (e) ketuanpunyaan tunggal, ertiinya tuan punya tunggal; dan
- (f) mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, ertiinya mana-mana orang yang memegang pengarahan dan pengawalan pengurusan hal-ehwal atau perniagaannya;

"pengawal", berhubungan dengan pemohon lesen atau pemegang lesen, ertiinya seseorang yang—

- (a) berhak menggunakan atau mengawal penggunaan tidak kurang daripada satu pertiga undi yang terkembar pada syer-syer mengundi bagi pemohon atau pemegang lesen itu;
- (b) mempunyai kuasa untuk melantik atau menyebabkan dilantik majoriti pengarah bagi pemohon atau pemegang lesen itu; atau
- (c) mempunyai kuasa untuk membuat, atau menyebabkan dibuat, keputusan-keputusan

berkenaan dengan perniagaan atau pentadbiran pemohon atau pemegang lesen itu, dan untuk memberikan kuatkuasa kepada keputusan-keputusan itu atau menyebabkan keputusan-keputusan itu diberikan kuatkuasa;

"pengurus insurans luar pesisir" ertinya seseorang yang memberikan khidmat-khidmat pengurusan atau pentadbiran yang berhubungan dengan perniagaan insurans luar pesisir tetapi tidaklah termasuk seseorang pengurus pengunderaitan luar pesisir;

"pengurus pengunderaitan luar pesisir" ertinya seseorang, yang bukan seorang pekerja *bona fide*, yang memberikan khidmat-khidmat pengunderaitan, termasuk pentadbiran perniagaan, kepada satu penanggung insurans luar pesisir atau lebih;

"penubuhan", berhubungan dengan—

- (a) syarikat, ertinya pemerbadanan;
- (b) badan berkanun, ertinya mula wujud di bawah undang-undang yang menubuhkan, melantik atau membentuknya;
- (c) koperasi, ertinya pendaftaran, pemerbadanan atau mula wujud selainnya di sisi undang-undang sebagai suatu koperasi;
- (d) perkongsian, ertinya pembentukan;
- (e) ketuanpunyaan tunggal, ertinya pendaftaran perniagaannya; atau
- (f) mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, yang memerlukan pendaftaran atau apa-apa bentuk perekodan atau pengiktirafan lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum ia boleh memulakan aktiviti-aktivitinya dengan sah, ertinya pendaftaran perekodan atau pengiktirafan di bawah undang-undang bertulis itu;

"perbadanan" ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan atau wujud

di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuklah mana-mana syarikat luar pesisir asing tetapi tidaklah termasuk—

- (a) mana-mana perbadanan tunggal; atau
- (b) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai kesatuan sekerja;

"perniagaan insurans" ertinya perniagaan menguatkuaskan dan melaksanakan kontrak-kontrak—

- (a) yang melindungi orang-orang daripada kerugian atau kemungkinan kerugian berkenaan dengan risiko-risiko yang kepadanya orang-orang itu mungkin terdedah; atau
- (b) untuk membayar sejumlah wang atau benda lain yang bernilai apabila berlaku sesuatu kejadian,

dan termasuklah perniagaan insurans semula;

"perniagaan insurans am" ertinya perniagaan insurans yang bukan perniagaan insurans nyawa tetapi yang termasuk insurans-insurans kemalangan, perubatan, pembedahan, dan perbelanjaan-perbelanjaan hospital yang berhubungan dengan mana-mana orang;

"perniagaan insurans domestik" ertinya perniagaan insurans yang hal perkara kontraknya ialah—

- (a) harta yang pada masa kontrak itu dibuat terletak di Malaysia atau dalam transit ke atau dari Malaysia;
- (b) kapal atau pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia dan segala liabiliti yang berbangkit daripada pengendalian kapal atau pesawat udara itu;
- (c) nyawa atau apa-apa kontingensi yang berhubungan dengan mana-mana orang yang, pada masa kontrak itu dibuat, ialah seorang pemastautin; atau
- (d) apa-apa jenis risiko berkenaan dengan mana-mana orang yang, pada masa kontrak itu dibuat, ialah seorang pemastautin;

"perniagaan insurans kaptif luar pesisir" ertinya perniagaan insurans luar pesisir yang pengambil insuransnya ialah syarikat berkaitan atau perbadanan sekutu bagi penanggung insurans luar pesisir itu atau yang pengambil insuransnya ialah mana-mana orang lain yang berkenaan dengannya penanggung insurans luar pesisir itu telah dibenarkan oleh Bank untuk memberikan insurans atau insurans semula;

"perniagaan insurans luar pesisir" ertinya perniagaan insurans yang bukan perniagaan insurans domestik dan yang diurusniagakan dalam mata wang asing, dan termasuklah perniagaan insurans kaptif luar pesisir;

"perniagaan insurans nyawa" ertinya perniagaan insurans yang berkaitan dengan apa-apa polisi yang dengannya pembayaran wang polisi diinsuranskan berdasarkan kematian atau berlakunya apa-apa kontingenzi yang bergantung pada tamatnya atau berterusannya nyawa manusia, dan termasuklah apa-apa perluasan perlindungan sampingan dan insurans semula perniagaan sedemikian;

"perniagaan insurans semula" ertinya suatu perniagaan yang dengannya penanggung insurans semula menanggung sebahagian daripada liabiliti di bawah kontrak insurans asal penanggung insurans yang lain atau penanggung insurans semula yang lain;

"polisi" ertinya polisi insurans dan termasuklah apa-apa kontrak insurans bertulis, sama ada atau tidak terkandung dalam atau didalilkan dengan suatu suratcara dalam bentuk polisi insurans; dan apa-apa sebutan mengenai polisi penanggung insurans termasuklah sebutan mengenai mana-mana polisi yang berkenaan dengannya penanggung insurans itu mempunyai apa-apa liabiliti, sama ada polisi itu telah dikeluarkan oleh penanggung insurans itu atau liabiliti itu telah dipindahkan kepada penanggung insurans itu daripada penanggung insurans yang lain;

"subsidiari" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"syarikat berkaitan" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"syarikat luar pesisir" ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;

"syarikat luar pesisir asing" ertinya cawangan, yang di-daftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, suatu perbadanan yang ditubuhkan di sesuatu negara selain daripada Malaysia;

"syarikat Malaysia" ertinya syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;

"wang kerja" ertinya—

(a) berhubungan dengan syarikat luar pesisir, modal berbayar yang tak tercacat oleh kerugian; alau

(b) berhubungan dengan syarikat luar pesisir asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia, lebihan aset atas liabiliti yang hendaklah dikekalkan dalam buku-buku pejabatnya di Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai "Akta ini" hendaklah, melainkan jika disebutkan dengan nyata selainnya, disifatkan termasuk sebutan mengenai mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Jika lima belas peratus atau lebih syer mengundi sesuatu perbadanan dipegang oleh suatu perbadanan yang lain, perbadanan yang mula-mula disebut itu hendaklah disifatkan sebagai perbadanan sekutu bagi perbadanan yang satu lagi itu, dan apa-apa sebutan dalam Akta ini

mengenai "perbadanan sekutu" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perbadanan yang mula-mula disebut itu atau perbadanan yang satu lagi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## BAHAGIAN II

### PENTADBIRAN AKTA

- |   |   |
|---|---|
| <b>Fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Bank.</b> | <p>3. (1) Bank hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang diberikan kepada, dan kewajipan yang dikenakan atas Bank oleh Akta ini.</p> <p>(2) Bank boleh memberikuasa atau mengarahkan mana-mana pegawai Bank melaksanakan mana-mana fungsi, menjalankan mana-mana kuasa, atau menunaikan mana-mana kewajipan Bank di bawah Akta ini.</p> <p>(3) Bank boleh, samaada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu, melantik mana-mana orang yang bukan pegawai Bank untuk memberikan apa-apa bantuan yang ditentukan oleh Bank pada melaksanakan fungsi-fungsi, menjalankan kuasa-kuasa atau menunaikan kewajipan-kewajipan Bank di bawah Akta ini, atau untuk melaksanakan fungsi-fungsi, menjalankan kuasa-kuasa, atau menunaikan kewajipan-kewajipan sedemikian bagi pihak dan atas nama Bank.</p> |
| <b>Kerahsiaan di pihak Bank.</b>                                | <p>4. Kecuali bagi maksud-maksud pelaksanaan fungsi-fungsi, penjalanan kuasa-kuasa atau penunaian kewajipan-kewajipan Bank di bawah Akta ini atau apabila dikehendaki secara sah oleh mana-mana mahkamah supaya berbuat demikian, Bank atau mana-mana pegawai atau wakil Bank tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan mana-mana permohonan oleh mana-mana orang di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau yang berhubungan dengan hal-hal orang itu yang telah diperolehi oleh Bank atau pegawai atau wakil itu semasa melaksanakan fungsi-fungsi, menjalankan kuasa-kuasa atau menunaikan kewajipan-kewajipan Bank di bawah Akta ini.</p>  |

### BAHAGIAN III

#### PELESENAN PERNIAGAAN INSURANS LUAR PESISIR DAN AKTIVITI-AKTIVITI BERHUBUNGAN DENGAN INSURANS LUAR PESISIR

5. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai sedang menjalankan atau mengurusniagakan apa-apa perniagaan insurans luar pesisir melainkan jika orang itu ialah—

- (a) syarikat luar pesisir;
- (b) syarikat luar pesisir asing; atau
- (c) cawangan suatu penanggung insurans Malaysia,

dan memegang lesen yang sah.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai sedang menjalankan atau mengurusniagakan apa-apa perniagaan sebagai pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir atau broker insurans luar pesisir melainkan jika orang itu memegang lesen yang sah.

6. (1) Tiap-tiap pemohon bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan insurans luar pesisir hendaklah memuaskan hati Menteri bahawa—

- (a) pemohon ialah, atau akan menjadi, suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia;
- (b) wang kerja pemohon—
  - (i) dalam hal apabila pemohon bercadang hendak menjalankan sama ada perniagaan insurans nyawa atau perniagaan insurans am, atau kedua-duanya, ialah sekurang-kurangnya tujuh juta lima ratus ribu ringgit atau yang setara dengannya dalam mana-mana mata wang asing;
  - (ii) dalam hal apabila pemohon bercadang hendak menjalankan perniagaan insurans

semula semata-mata, ialah sekurang-kurangnya sepuluh juta ringgit atau yang setara dengannya dalam mana-mana mata wang asing; atau

- (iii) dalam hal apabila pemohon bercadang hendak menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir semata-mata, ialah sekurang-kurangnya satu juta ringgit atau yang setara dengannya dalam mana-mana mata wang asing;
- (c) jumlah wang yang ditentukan dalam perenggan (b) tersimpan dalam akaun pemohon itu dengan suatu bank di Wilayah Persekutuan Labuan, sebagaimana yang didalilkan dengan perakuan oleh bank itu, pada masa permohonan itu dibuat;
- (d) pengawal, pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemohon ialah orang yang layak dan patut mempunyai kaitan dengan sesuatu penanggung insurans luar pesisir; dan
- (e) pemohon sama ada—
  - (i) telah mewujudkan, atau akan mewujudkan, pengurusannya di Wilayah Persekutuan Labuan dengan pengetahuan dan kepakaran yang mencukupi tentang perniagaan insurans luar pesisir yang akan dijalankan dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Labuan; atau
  - (ii) telah melantik, atau akan melantik, seorang pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen di Wilayah Persekutuan Labuan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi tentang perniagaan insurans luar pesisir yang akan dijalankan.

(2) Walau apa pun perenggan (b) subseksyen (1), Menteri boleh, setelah mengambil kira takat dan banyaknya perniagaan insurans luar pantai yang dicadangkan hendak dijalankan oleh pemohon, menentukan amaun wang kerja yang lebih rendah, tertakluk kepada

pemohon memberikan jaminan yang mencukupi atas terma-terma dan syarat-syarat yang dapat diterima oleh Menteri bagi perbezaan amaun itu.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan insurans luar pesisir hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Bank;
- (b) menyebutkan sama ada perniagaan insurans luar pesisir itu adalah berhubungan dengan perniagaan insurans nyawa atau perniagaan insurans am atau kedua-duanya;
- (c) menyatakan jenis-jenis perniagaan insurans luar pesisir, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang akan dijalankan di bawah lesen;
- (d) menyatakan rancangan-rancangan perniagaan pemohon; dan
- (e) disertai dengan—
  - (i) satu salinan—
    - (A) dokumen konstituen pemohon, yang disahkan dengan sewajarnya oleh seorang pengarah atau pegawai pemohon;
    - (B) ketetapan-ketetapan lembaga dan mesyuarat agung pemohon, jika ada, yang disahkan dengan sewajarnya oleh seorang pengarah atau pegawai pemohon, yang memberikuasa pemohon memohon lesen;
    - (C) perakuan pemerbadanan atau pendafataran pemohon, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diperakui oleh pihak berkuasa pendaftaran yang relevan di tempat pemohon ditubuhkan atau berasal;
  - (ii) satu salinan akaun tahunan teraudit pemohon bagi tiga tahun yang berturut-turut sebelum sahaja permohonan itu dibuat, jika berkenaan;

- (iii) suatu pernyataan tentang—
  - (A) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
  - (B) nama, alamat, kelayakan dan pengalaman pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai yang bertanggung-jawab bagi pengurusan keseluruhan hal-ehwal pemohon; dan
  - (C) nama dan alamat setiap anggota yang memegang sepuluh peratus atau lebih syer mengundi pemohon; dan
- (iv) suatu akuan oleh pemohon tentang kejujuran pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai pemohon yang akan mengambil bahagian dalam pengurusan penanggung insurans luar pesisir yang dicadangkan itu.

(4) Bank boleh menghendaki apa-apa maklumat atau dokumen lain daripada pemohon sebagaimana yang ditentukan oleh Bank bagi maksud membuat keputusan tentang permohonan itu.

(5) Perkara-perkara yang ditentukan di bawah subseksyen (4) boleh berbeza antara pemohon, atau pemohon daripada golongan, kategori atau perihalan yang berlainan.

(6) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh dibuat berhubungan dengan seseorang yang belum lagi ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tetapi akan ditubuhkan sedemikian sekiranya orang itu mendapat lesen, dan dalam hal yang demikian kehendak-kehendak subseksyen (1) boleh diubah oleh Bank sebagaimana yang difikirkannya patut.

- Permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir.
7. (1) Tiap-tiap pemohon bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir atau broker insurans luar pesisir hendaklah memuaskan hati Menteri bahawa—
    - (a) pengawal, pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemohon ialah orang-orang yang layak dan sesuai; dan

- (b) pemohon berupaya mengekalkan wang yang cukup dalam perniagaannya untuk menampung perbelanjaan pengendaliannya dan pengurusaninya di Wilayah Persekutuan Labuan selama sekurang-kurangnya enam bulan.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir atau broker insurans luar pesisir hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Bank;
- (b) menyatakan jenis perniagaan yang hendak dijalankan di bawah lesen; dan
- (c) disertai dengan dokumen-dokumen, pernyataan-pernyataan dan maklumat yang berhubungan dengan pemohon itu sebagaimana yang ditentukan dalam perenggan (e) subseksyen (3) seksyen 6.

(3) Bank boleh menghendaki apa-apa maklumat atau dokumen lain daripada pemohon sebagaimana yang ditentukan oleh Bank bagi maksud membuat keputusan tenang permohonan itu.

(4) Perkara-perkara yang ditentukan di bawah subseksyen (3) boleh berbeza antara pemohon, atau pemohon daripada golongan, kategori atau perihalan yang berlainan.

8. Bank hendaklah, apabila permohonan dibuat dengan sewajarnya mengikut seksyen 6 atau 7 dan selepas diberi segala maklumat dan dokumen yang dikehendakinya, menimbangkan permohonan itu dan membuat syor kepada Menteri tentang sama ada lesen patut diberikan atau tidak diberikan dan, jika lesen diberikan, syarat-syarat, jika ada, yang akan dikenakan atas pemegang lesen.

Syor Bank  
mengenai  
permohonan  
bagi men-  
dapatkan  
lesen.

9. (1) Apabila diterimanya sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen, dan syor Bank di bawah seksyen 8, Menteri boleh memberikan lesen, dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan lesen.

Pembenan  
lesen.

- (2) Jika Menteri enggan memberikan lesen, Bank hendaklah dengan segera memberitahu pemohon secara bertulis tentang keengganan Menteri itu dan tidaklah dikehendaki memberikan apa-apa sebab bagi keengganan itu kepada pemohon.
- Penyiaran senarai semua pemegang lesen.**
10. Bank hendaklah menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta* tidak lewat daripada 31hb Mac setiap tahun suatu senarai, dalam apa-apa bentuk yang diputuskan oleh Bank, semua pemegang lesen yang lesen-lesen mereka sah pada 31hb Disember tahun yang sebelumnya.
- Pembatalan lesen.**
11. (1) Menteri boleh, atas syor Bank, membatalkan mana-mana lesen jika dia berpuas hati bahawa—
- (a) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan dibawah lesen, dokumen-dokumen konstituen pemegang lesen itu atau mana-mana peruntukan Akta ini; atau
  - (b) Bank telah, sama ada berkaitan dengan permohonan bagi mendapatkan lesen itu, atau pada bila-bila masa selepas lesen itu diberikan, diberi maklumat, dokumen atau akuan yang palsu atau mengelirukan oleh atau bagi pihak pemegang lesen itu.
- (2) Menteri hendaklah membatalkan sesuatu lesen jika dia berpuas hati bahawa—
- (a) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen itu; atau
  - (b) suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela pemegang lesen itu telah diluluskan.
- (3) Pembatalan lesen di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh keputusan Menteri diberitahukan kepada pemegang lesen itu.
- (4) Bank hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyiarkan suatu notis dalam *Warta* tentang tiap-tiap pembatalan lesen di bawah seksyen ini, tetapi apa-apa kelengahan menyiarkan notis itu atau kegagalan

menyiarkan notis itu tidaklah dengan apa-apa jua cara menyentuh keesahan pembatalan itu.

**12.** (1) Pemegang lesen boleh menyerahkan balik lesen-nya dengan menghantar lesen itu kepada Bank dengan notis bertulis tentang penyerahan lesen itu.

(2) Penyerahan balik sesuatu lesen di bawah sub-seksyen (1) hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh Bank menerima lesen itu.

(3) Bank hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyiaran suatu notis dalam *Warta* tentang tiap-tiap penyerahan balik lesen di bawah seksyen ini, tetapi apa-apa kelengahan menyiaran notis itu atau kegagalan menyiaran notis itu tidaklah dengan apa-apa jua cara menyentuh keesahan penyerahan balik itu.

**13.** (1) Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah seksyen 11 atau penyerahan balik sesuatu lesen di bawah seksyen 12 telah mula berkuatkuasa, pemegang lesen itu hendaklah dari tarikh pembatalan atau penyerahan balik itu mula berkuatkuasa, berhenti mengurusniagakan apa-apa perniagaan selanjutnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika pemegang lesen terus wujud sebagai suatu perbadanan selepas pembatalan lesennya mula berkuatkuasa, Menteri boleh, atas syor Bank, membenarkan, secara bertulis, pemegang lesen itu terus mengurusniagakan aktiviti-aktiviti perniagaannya sehingga takat dan selama tempoh yang ditentukan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud-maksud penggulungan hal-ehwalnya atau bagi maksud-maksud menienahi tuntutan-tuntutan pemunya-pemunya polisinya, pelanggan-pelanggan lainnya atau pemutang-pemutangnya.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen yang lesennya telah dibatalkan atau diserahkan balik hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini selagi liabiliti-liabilitinya belum dipenuhi atau dibuat peruntukan selainnya baginya.

Pemberi-tahuan perubahan maklumat.

14. (1) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang ialah suatu syarikat luar pesisir hendaklah, sebelum membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, atau sebelum apa-apa pertukaran pengawal, pengarah atau ketua pegawai eksekutifnya, memberi Bank butir-butir bertulis tentang apa-apa pindaan, perubahan atau pertukaran yang dicadangkan itu, untuk kelulusan Bank.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang ialah suatu syarikat luar pesisir asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia hendaklah, sebelum membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, atau sebelum apa-apa pertukaran pengawalnya, pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, memberitahu Bank, secara bertulis, tentang apa-apa pindaan, perubahan atau pertukaran itu.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah dengan segera memberitahu Bank tentang apa-apa pindaan atau perubahan kepada apa-apa maklumat yang telah diberikan kepada Bank berkaitan dengan permohonan bagi mendapatkan lesen itu.

Fee lesen tahunan.

15. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah, pada atau sebelum tiap-tiap 15 haribulan Januari dalam tempoh sah lesennya, membayar kepada Bank fee lesen tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua berkenaan dengan setiap lesen yang dipegang.

#### BAHAGIAN IV

##### KEHENDAK-KEHENDAK KEWANGAN DAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN SERTA SEKATAN-SEKATAN ATAS PEMEGANG-PEMEGANG LESEN

Pelantikan juruaudit dan aktuan.

16. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah melantik seorang juruaudit bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang menjalankan perniagaan insurans nyawa hendaklah melantik seorang aktuari bagi maksud-maksud Akta ini.

17. (1) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir hendaklah memastikan bahawa nilai hasil bagi aset-asetnya melebihi amaun liabiliti-liabilitinya dengan suatu margin (kemudian daripada ini disebut "margin kesolvenan") yang setara dengan atau lebih daripada—

Margin  
kesolvenan.

(a) amaun wang kerja yang disyaratkan di bawah subseksyen (1) seksyen 6; atau

(b) dua puluh peratus daripada pendapatan premium bersih bagi tahun yang sebelumnya berkenaan dengan perniagaan insurans am penanggung insurans luar pesisir itu, atau tiga peratus daripada penilaian aktuari mengenai liabiliti-liabiliti bagi perniagaan insurans nyawa setakat tarikh penilaian yang terbaru berkenaan dengan perniagaan insurans nyawa penanggung insurans luar pesisir itu,

mengikut mana-mana yang lebih besar.

(2) Jika margin kesolvenan sesuatu penanggung insurans luar pesisir menjadi kurang daripada amaun yang disyaratkan di bawah subseksyen (1), penanggung insurans luar pesisir itu hendaklah mengemukakan kepada Bank, dalam masa tiga puluh hari dari masa kekurangan margin kesolvenan itu diketahui atau dalam apa-apa tempoh masa yang lebih lanjut yang dibenarkan oleh Bank, skim kewangan jangka pendeknya untuk mencukupkan kekurangan itu dan hendaklah, jika difikirkan oleh Bank bahawa skim ilu tak mencukupi, mencadangkan ubahsuaian-ubahsuaian kepadanya.

(3) Penanggung insurans luar pesisir itu hendaklah, dalam had masa yang ditentukan oleh Bank, melaksanakan apa-apa skim di bawah subseksyen (2) sebagaimana yang diluluskan oleh Bank.

(4) Jika sesuatu penanggung insurans luar pesisir menjalankan kedua-duanya perniagaan insurans nyawa dan perniagaan insurans am, subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah apa-apa sebutan tentang margin kesolvenan penanggung insurans luar

pesisir itu ialah sebutan tentang yang lebih tinggi di antara—

- (a) wang kerja; atau
- (b) agregat duapuluh peratus daripada pendapatan premium bersih bagi tahun yang sebelumnya berkenaan dengan perniagaan insurans am penanggung insurans luar pesisir itu dan tiga peratus daripada penilaian aktuari mengenai liabiliti-liabiliti setakat tarikh penilaian terbaru berkenaan dengan perniagaan insurans nyawa penanggung insurans luar pesisir itu.

(5) Margin kesolvenan dalam hal pemegang lesen yang menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir ialah wang kerjanya.

Akaun  
berasingan  
hendaklah  
disimpan  
oleh  
penanggung  
insurans luar  
pesisir.

18. (1) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir hendaklah menyimpan akaun dan wang berkenaan dengan perniagaan insurans luar pesisirnya berasingan daripada wangnya yang lain.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang menjalankan kedua-duanya perniagaan insurans nyawa dan perniagaan insurans am hendaklah menyimpan akaun-akaun dan wang berkenaan dengan perniagaan insurans nyawanya berasingan daripada akaun-akaun dan wang berkenaan dengan perniagaan insurans amnya.

(3) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang ialah cawangan suatu penanggung insurans Malaysia hendaklah menyimpan akaun-akaun berkenaan dengan perniagaan insurans luar pesisirnya berasingan daripada akaun-akaun berkenaan dengan perniagaan insurans domestiknya yang dijalankan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengemukaan  
penyata-  
penyata  
kewangan.

19. (1) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir hendaklah, dalam masaenambulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau apa-apa tempoh selanjutnya yang diluluskan oleh Bank, mengemukakan kepada Bank, berkenaan dengan keseluruhan pengendalian insurans luar pesisirnya yang dijalankan di atau dari Wilayah Persekutuan Labuan, empat salinan masing-masing bagi

kunci kira-kira tahunan terauditnya, akaun untung ruginya, akaun hasilnya dan, berkenaan dengan perniagaan insurans nyawanya, suatu laporan yang menyatakan penilaian aktuari mengenai aset-aset dan liabiliti-liabilitinya.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir hendaklah mengemukakan kepada Bank empat salinan masing-masing bagi dokumen-dokumen yang tersebut dalam subseksyen (1) sebagaimana yang diluluskan mengikut dokumen konstituennya dengan seberapa segera yang praktik selepas kelulusan sedemikian.

(3) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang ialah suatu syarikat luar pesisir asing hendaklah, sebagai tambahan kepada penyata-penyata kewangan yang dikehendaki dikemukakan kepada Bank di bawah subseksyen (1), juga mengemukakan setiap tahun satu salinan terperaku kunci kira-kira tahunan terauditnya yang terbaru berkenaan dengan keseluruhan pengendaliannya, di dalam dan di luar Wilayah Persekutuan Labuan dalam masa tiga bulan dari pemfailannya dengan pihak-pihak berkuasa pengawalseliaan di negara tempat ia ditubuhkan atau berasal.

(4) Tiap-tiap pengurus insurans luar pesisir berlesen, pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen dan broker insurans luar pesisir berlesen hendaklah, dalam masa enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau apa-apa tempoh selanjutnya yang diluluskan oleh Bank, mengemukakan empat salinan masing-masing bagi kunci kira-kira tahunan teraudit dan akaun untung ruginya kepada Bank.

20. (1) Tanpa terlebih dahulu meridapat izin bertulis Bank—

- (a) tiada pemegang lesen boleh membuka apa-apa pejabat atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari di Malaysia;
- (b) tiada penanggung insurans luar pesisir Malaysia boleh membuka apa-apa pejabat atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari di luar Malaysia.

Subsidiari-  
subsidiari  
dan pejabat-  
pejabat  
pemegang  
lesen

(2) Tiada penanggung insurans luar pesisir boleh menjalankan perniagaan insurans luar pesisir di atau dari mana-mana tempat di Malaysia selain daripada Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekatan atas  
perniagaan  
oleh  
penanggung  
insurans  
luar pesisir.

21. (1) Tiada penanggung insurans luar pesisir boleh menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di Wilayah Persekutuan Labuan atau di tempat lain dari pejabatnya di Wilayah Persekutuan Labuan selain daripada perniagaan insurans luar pesisirnya atau aktiviti-aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan atau bagi maksud-maksud perniagaan insurans luar pesisir itu.

(2) Walau apa pun takrif "perniagaan insurans luar pesisir" dan walau apa pun subseksyen (1), sesuatu penanggung insurans luar pesisir boleh menjalankan insurans semula perniagaan insurans domestik, termasuk insurans semula perniagaan insurans domestik yang diurusniagakan dalam mata wang Malaysia.

(3) Tiada penanggung insurans luar pesisir boleh bertindak bagi pihak penanggung insurans luar pesisir yang lain sebagai pengurus insurans luar pesisir atau pengurus pengunderaitan luar pesisir melainkan jika penanggung insurans luar pesisir yang mula-mula disebut itu telah diberi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus insurans luar pesisir atau pengurus pengunderaitan luar pesisir, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekatan-  
sekatan atas  
dan  
kewajipan-  
kewajipan  
pengurus  
insurans luar  
pesisir,  
pengurus  
pengunde-  
raitan luar  
pesisir. dan  
broker  
insurans luar  
pesisir.

22. (1) Tiada pengurus insurans luar pesisir berlesen boleh memberikan apa-apa khidmat selain daripada khidmat-khidmat pentadbiran dan tiada pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen boleh memberikan apa-apa khidmat selain daripada khidmat-khidmat pengunderaitan.

(2) Tiada pengurus insurans luar pesisir berlesen boleh memberikan khidmat-khidmat pentadbiran dan tiada pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen boleh memberikan khidmat-khidmat pengunderaitan di atau dari Wilayah Persekutuan Labuan kepada mana-mana orang yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini atau kepada mana-mana perniagaan yang dijalankan oleh sesuatu

penanggung insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1963.

*Akta 89.*

(3) Tiada broker insurans luar pesisir berlesen boleh bertindak sebagai broker berkenaan dengan perniagaan insurans domestik, tetapi seseorang broker insurans luar pesisir berlesen boleh mengendalikan insurans semula perniagaan insurans domestik, termasuk insurans semula perniagaan insurans domestik yang diurusniagakan dalam mata wang Malaysia.

(4) Tiap-tiap pengurus insurans luar pesisir berlesen atau pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen yang bertindak bagi pihak sesuatu penanggung insurans luar pesisir hendaklah menyenggara wangnya berasingan daripada wang penanggung insurans luar pesisir iuu dan tidak boleh menggunakan wang penanggung insurans luar pesisir itu untuk membayar apa-apa perbelanjaannya atau liabilitinya selain daripada yang berkenaan dengan perniagaan insurans luar pesisir itu.

23. Tiap-tiap pengurus insurans luarpesisir berlesen dan pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari berakhirnya tahun kewangannya, mengemukakan kepada Bank, dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Bank, suatu senarai semua penanggung insurans luar pesisir yang diberi khidmat-khidmat pentadbiran oleh pengurus insurans luar pesisir berlesen itu atau yang diberi khidmat-khidmat pengunderaitan oleh pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen itu.

Senarai  
penanggung  
insurans luar  
pesisir  
hendaklah  
dibenarkan  
oleh  
pengurus  
insurans luar  
pesisir dan  
pengurus  
pengun-  
deraitan luar  
pesisir.

**24.** (1) Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir hendaklah—

- (a) menjalankan perniagaannya dengan tekun dan cermat mengikut prinsip-prinsip insurans yang bijaksana;
- (b) menyenggara rekod-rekod dan buku-buku akaun yang mencukupi dan yang sepatutnya di pejabatnya di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (c) mengikuti piawai-piawai perakaunan antara-bangsa yang umum diterima atau apa-apa piawai lain yang diluluskan oleh Bank;

Perjalanan  
perniagaan.

- (d) mendaftarkan segala aset atas namanya, dan dalam hal syer-syer pembawa, menyimpannya dalam jagaan selamat; dan
- (e) menunjukkan dengan jelas pada kepala surat, alat tulis dan dokumen-dokumen lain yang mengandungi namanya bahawa ia dilesenkan di bawah Akta ini, berserta dengan nombor lesen-nya.

(2) Tiada penanggung insurans luar pesisir boleh mengikiankan atau menyiarkan, dalam apa-apa bentuk, maklumat yang tak belul atau yang mungkin mengelirukan orang lain berhubungan dengan undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan atau kedudukan kewangan atau rancangan-rancangan insurans atau insurans semula penanggung insurans luar pesisir itu atau apa-apa perkara lain berkenaan dengan perniagaan insurans luar pesisirnya.

(3) Peruntukan-peruntukan perenggan (a), (b) dan (e) subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi pengurus insurans luar pesisir berlesen, pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen dan broker insurans luar pesisir berlesen.

Kerahsiaan  
di pihak  
pemegang  
lesen.

25. Tiada pengarah atau pegawai seseorang pemegang lesen boleh mendedahkan kepada mana-mana orang, atau membuat catatan untuk mana-mana orang akan, apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal-hal atau akaun mana-mana pemunya polisi kecuali apabila dikehendaki secara sah supaya berbuat demikian di bawah Akta ini atau oleh mana-mana mahkamah, atau dengan izin pemunya polisi atau wakil dirinya, atau dalam urusan peletakan perniagaan insurans semula.

## BAHAGIAN V

### PEMINDAHAN DAN PENGGULUNGAN

Pemmdahan  
permagaan  
insurans luar  
pesisir.

**26.** (1) Keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan insurans luar pesisir sesuatu penanggung insurans semula (kemudian daripada ini disebut "pemindah") boleh dipindahkan kepada suatu penanggung

insurans yang lain (kemudian daripada ini disebut "penerima pindahan") jika pemindahan itu dilaksanakan melalui suatu skim (kernudian daripada ini disebut "skim") di bawah seksyen ini.

(2) Sesuatu skim di bawah seksyen ini boleh membuat peruntukan bagi perniagaan insurans luar pesisir pemindah dipindahkan kepada seseorang yang bukan penanggung insurans atau yang belum lagi wujud jika diperuntukkan dengan nyata dalam skim itu bahawa skim itu hendaklah berkuatkuasa hanya apabila orang itu menjadi penanggung insurans.

(3) Sesuatu skim di bawah seksyen ini boleh mengandungi peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkarayang bersampingan dengan pemindahan yang dilaksanakan melaluinya itu dan peruntukan-peruntukan bagi memberikan kuatkuasa kepada pemindahan itu, dan khususnya boleh mengandungi peruntukan-peruntukan bagi—

- (a) peletakhakkan pada penerima pindahan apa-apa harta, hakatauliabilitipemindah (termasuk aset-aset yang terkandung dalam kumpulan wang insurans) menurut kuasa skim itu dan tanpa jaminan selanjutnya atau yang lain;
- (b) pendaftaran oleh penerima pindahan akan polisi-polisi yang dipindahkan, bagi amaan-amaun yang hendaklah dimasukkan berkenaan dengan polisi-polisi itu ke dalam kumpulan wang insurans penerima pindahan dan bagiperkara-perkaralain yang berbangkit di bawah Akta ini daripada pemindahan itu;
- (c) penerusan, oleh atau terhadap penerima pindahan, apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap pemindah;
- (d) pembubaran, tanpa penggulungan, pemindah; atau
- (e) apa-apa perkara yang bersampingan,berbangkit atau tambahan yang perlu untuk memastikan bahawa skim itu akan dijalankan dengan sepenuhnya dan dengan berkesan.

(4) Sesuatu skim di bawah seksyen ini tidaklah mempunyai kuatkuasa selainkan jika ia terlebih dahulu diluluskan oleh Bank dan kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Tinggi.

(5) Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah terpakai berkenaan dengan tiap-tiap skim;

- (a) pemindah hendaklah mengemukakan kepada Bank satu salinan skim itu berserta dengan salinan-salinan laporan aktuari dan laporan-laporan lain, jika ada, yang menyatakan termateri skim itu;
- (b) pemindah hendaklah mengemukakan kepada Bank suatu laporan yang cukup untuk menunjukkan pendapat aktuari tentang akibat-akibat mungkin skim itu ke atas pemunya-pemunya polisi pihak-pihak kepada skim itu berkenaan dengan apa-apa pemindahan perniagaan insurans nyawa;
- (c) setiap pihak kepada skim itu hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan selepas satu salinan skim itu dikemukakan kepada Bank, menyebabkan disiarkan dalam tidak kurang daripada dua akhbar harian yang diluluskan oleh Bank suatu notis, yang mengandungi apa-apa butir yang ditetapkan, tentang niat untuk membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi bagi pengesahan skim itu;
- (d) setiap pihak kepada skim itu hendaklah, selama tempoh lima belas hari selepas penyiaran notis yang tersebut dalam perenggan (c), menyimpan satu salinan skim itu di pejabatnya di Wilayah Persekutuan Labuan dan salinan itu hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh semua anggotanya dan pemunya polisinya yang tersentuh oleh skim itu; dan
- (e) setiap pihak kepada skim itu hendaklah memberikan satu salinan skim itu dan laporan yang tersebut dalam perenggan (b) kepada mana-mana orang yang meminta salinan itu pada bila-bila

masa sebelum Mahkamah Tinggi mengesahkan skim itu.

(6) Bankboleh menyebabkan satu laporan tentang skim itu dibuat oleh seorang aktuari yang bebas daripada pihak-pihak kepada skim itu dan, jika ia berbuat demikian, hendaklah menyebabkan satu salinan laporan itu dihantar kepada setiap pihak itu.

(7) Salinan-salinan apa-apa skim dan apa-apa laporan yang tersebut dalam subseksyen (5) dan (6), atau ringkasannya yang diluluskan oleh Bank, hendaklah, kecuali setakat yang diarahkan selainnya oleh Mahkamah Tinggi atas permohonan yang dibuat bagi maksud itu, dihantar oleh setiap pihak kepada skim itu kepada pemunya-pemuninya polisinya yang tersentuh oleh skim itu.

(8) Pihak-pihak kepada skim hendaklah mempunyai liabiliti secara berasingan dan bersesama membayar balik kepada Bank apa-apa kos atau perbelanjaan yang dilakukan oleh Bank di bawah seksyen ini berkaitan dengan skim itu; dan skim itu hendaklah mengandungi peruntukan-peruntukan tentang bagaimana liabiliti itu akan ditanggung di antara pihak-pihak itu:

Dengan syarat bahawa jika Mahkarnah Tinggi telah membuat apa-apa perintah tentang kos, maka kos yang kena dibayar balik kepada Bank tidak boleh melebihi amaun yang ditentukan dalam perintah itu.

(9) Bank boleh meluluskan atau menolak sesuatu skim.

(10) Selepas sesuatu skim diluluskan oleh Bank di bawah subseksyen (9), permohonan boleh dibuat bersama kepada Mahkamah Tinggi dengan cara saman pemula *ex parte* oleh pihak-pihak kepada skim itu bagi pengesahan skim yang diluluskan itu.

(11) Permohonan kepada Mahkamah Tinggi berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan sesuatu skim boleh, pada bila-bila masa sebelum pengesahan skim itu oleh Mahkamah Tinggi, dibuat oleh Bank atau mananya orang yang pada pendapat Mahkamah Tinggi mungkin tersentuh oleh skim itu.

(12) Mahkamah Tinggi boleh mengesahkan sesuatu skim dengan atau tanpa ubahsuaian atau boleh enggan mengesahkan skim itu.

(13) Sesuatu skim yang telah disahkan oleh Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (12) hendaklah mempunyai kuatkuasa mengikut kandungannya walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen-seksyen terdahulu Akta ini dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang tersentuh olehnya.

(14) Apabila skim disahkan, setiap pihak kepada skim itu hendaklah, melainkan jika ia suatu syarikat tak diperbadankan, memfaikan satu salinan skim itu dengan Pendaftar Syarikat dan dengan pihak-pihak berkuasa pengawalseliaan di negara tempat ia ditubuhkan atau berasal.

(15) Penerima pindahan hendaklah, dalam masa satu bulan selepas skim itu mula berkuatkuasa, menyerah-simpan dengan Bank—

- (a) penyata-penyata mengenai aset-aset dan liabiliti-liabiliti setiap pihak kepada skim itu, setakat pada masasebelum sahajapemindahan itu, yang ditandatangani bagi pihak pihak itu;
- (b) satu salinan skim itu sebagaimana yang disahkan oleh Mahkamah Tinggi dan satu salinan termeterai perintah Mahkamah Tinggi yang mengesahkan skim itu; dan
- (c) satu akuan yang dibuat oleh pengurus lembaga pengarah penerima pindahan, atau oleh ketua pegawai eksekutifnya di Wilayah Persekutuan Labuan, yang menyatakan sepenuhnya tiap-tiap pembayaran yang dibuat atau yang akan dibuat kepada mana-mana orang oleh sebab pemindahan itu, dan yang menyatakan bahawa, sepanjang yang dipercayainya, tiada pembayaran selain daripada pembayaran yang dinyatakan sedemikian telah dibuat atau akan dibuat oleh sebab pemindahan itu oleh atau dengan pengetahuan pihak-pihak kepada skim itu.

(16) Dalam seksyen ini, "pihak-pihak kepada skim" ertinya pemindah dan penerima pindahan, dan "pihak kepada skim" hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

27. (1) Bank hendaklah menjadi pihak kepada apa-apa petisyen bagi penggulungan mana-mana penanggung insurans luar pesisir.

Penggulungan  
penanggung  
insurans luar  
pesisir.

(2) Bank boleh mengemukakan petisyen bagi penggulungan sesuatu penanggung insurans luar pesisir atau perniagaan insurans luar pesisirnya di Wilayah Persekutuan Labuan atas alasan ketakdayaannya menunaikan apa-apa liabilitinya atau apabila ia menggantung pembayaran kepada pemutang-pemutangnya.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1) dan (2), mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang kepentingan pemunya-pemunya polisi, pelanggan-pelanggan lain dan pemutang-pemutang penanggung insurans luar pesisir itu.

(4) Dalam mana-mana penggulungan sesuatu penanggung insurans luar pesisir, atau apabila sesuatu penanggung insurans luar pesisir menjadi tak solven, hendaklah dibayar daripada aset-aset dalam kumpulan wang insurans atau wang lain penanggung insurans luar pesisir itu terlebih dahulu sebelum segala hutang tak bercagar lain—

(a) pertamanya, kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan penggulungan, termasuk kos-kos pelikuidasi atau penerima;

(b) keduanya, segala upah atau gaji (sama ada atau tidak diperoleh seluruhnya atau sebahagiannya sebagai komisen), termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar sebagai elauan atau bayaran ganti di bawah apa-apa kontrak kerja atau award atau perjanjian yang mengawalselia syarat-syarat pekerjaan, bagi mana-mana pekerja yang tidak melebihi satu ribu lima ratus ringgit atau apa-apa amaun lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa berkenaan dengan khidmat-khidmat yang diberikan olehnya kepada penanggung insurans luar pesisir itu dalam tempoh empat bulan sebelum bermulanya penggulungan itu;

- (c) ketiganya, segala amaun yang ter hutang berkenaan dengan pampasan pekerja, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pampasan pekerja, yang terakru sebelum bermulanya penggulungan itu;
- (d) keempatnya, segala saraan yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja berkenaan dengan cuti rehat, atau sekiranya dia mati kepada mana-mana orang lain yang berhak bagi pihaknya, yang terakru berkenaan dengan apa-apa tempoh sebelum bermulanya penggulungan itu;
- (e) kelimanya, segala amaun yang ter hutang berkenaan dengan caruman-caruman yang kena dibayar dalam masa dua belas bulan sebelum sahaja bermulanya penggulungan itu oleh penanggung insurans luar pesisir itu sebagai majikan mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kumpulan wang persaraan pekerja atau kumpulan wang simpanan pekerja atau di bawah apa-apa skim pencen atau faedah persaraan yang ialah suatu skim yang diluluskan di bawah mana-mana undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan cukai pendapatan;
- (f) keenamnya, amaun segala cukai persekutuan yang ditaksirkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum tarikh bermulanya penggulungan atau yang ditaksirkan pada bila-bila masa sebelum habis tempoh masa yang ditetapkan bagi membuktikan hutang-hutang;
- (g) ketujuhnya, segalaliabilitidan perbelanjaan yang berpunca daripada perniagaan insurans luar pesisirnya daripada kelas yang baginya kumpulan wang insurans yang berkenaan itu diwujudkan; dan
- (h) kelapannya, selepas liabiliti-liabiliti dan perbelanjaan-perbelanjaan yang berpunca daripada perniagaan insurans luar pesisir daripada kelas yang baginya kumpulan wang insurans yang berkenaan yang tersebut dalam perenggan (g) itu

boleh digunakan telah ditunaikan sepenuhnya, aman yang dikehendaki untuk mencukupkan apa-apa kekurangan dalam kumpulan-kumpulan wang insurans yang lain.

(5) Hutang-hutang dalam setiap kelas yang ditentukan dalam subseksyen (4) hendaklah mempunyai peringkat mengikut susunan yang ditentukan dalam subseksyen itu tetapi hutang-hutang dalam kelas yang sama hendaklah mempunyai peringkat yang sama rata antaranya sendiri dan hendaklah dibayar dengan penuh, melainkan jika aset-aset dalam kumpulan wang insurans penanggung insurans luar pesisir itu tidak cukup untuk menunaikannya, dan dalam hal yang demikian ia hendaklah dikurangkan mengikut kadar yang sama rata antaranya sendiri.

(6) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah mempunyai kuatkuasa walau apa pun apa-apa jua yang tak konsisten dengannya atau yang berlawanan dengannya dalam mana-mana undang-undang bertulis selain dari pada Akta ini.

## BAHAGIAN VI

### AM

28. (1) Jika Bank mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat yang dikenakan atas pemegang lesen itu, Bank boleh, dengan kebenaran bertulis Gabenor, meminta supaya apa-apa maklumat atau penjelasan diberikan kepadanya dalam masa yang ditentukan.

Maklumat lanjut atau penjelasan boleh dikehendaki oleh Bank.

(2) Jika, apabila apa-apa maklumat atau penjelasan yang diberikan kepada Bank di bawah subseksyen (1) itu diteliti, didapati perlu berbuat demikian, Bank boleh memberikuasa seorang pegawai atau melantik seorang wakil Bank untuk memeriksa akaun-akaun, buku-buku dan rekod-rekod lain pemegang lesen itu di pejabat pemegang lesen itu di Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Tiap-tiap pengarah atau pegawai bagi pemegang lesen, dan tiap-tiap pengurus insurans luar pesisir berlesen

atau pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen yang bertindak bagi pihak sesuatu penanggung insurans luar pesisir, hendaklah memberikan kerjasama dan bantuan kepada Bank untuk memudahkan apa-apa pemeriksaan yang dijalankan di bawah subseksyen (2).

Kesalahan-  
kesalahan  
dan  
penalty-  
penalti.

**29. Mana-mana orang yang—**

**(a) melanggar—**

- (i)** mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (ii)** apa-apa penentuan atau kehendak yang dibuat, atau apa-apa perintah secara bertulis, arahan, suruhan, atau notis yang diberikan, atau apa-apa had, terma, syarat atau sekatan yang dikenakan, pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah, menurut, atau menurut kuasa, mana-mana peruntukan Akta ini; atau

**(h)** sebagai seorang yang dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini supaya memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau akuan, memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau akuan yang dia tahu atau ada sebab untuk percaya adalah palsu atau mengelirukan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Kuasa  
Gabenor  
untuk  
mengkom-  
paun  
kesalahan-  
kesalahan.

**30. (1)** Gabenor boleh, dengan persetujuan Menteri, dalam sesuatu kes jika difikirkannya patut dan sesuai berbuat demikian, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah seksyen 29, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Gabenor dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, apa-apa jumlah wang yang ditentukan dalam tawaran itu, yang tidak boleh melebihi lima puluh peratus

daripada amaun denda maksimum (termasuklah denda harian, jika ada, dalam hal kesalahan berterusan) yang boleh dikenakan atas orang itu sekiranya dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Apa-apa wang yang dibayar kepada Gabenor menurut peruntukan-peruntukan subseksyen (1) hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh masa yang lebih lanjut yang diberikan oleh Gabenor, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat.

**31.** Menteri boleh, atas syor Bank, apabila permohonan secara bertulis dibuat oleh pemohon lesen atau pemegang lesen, dan apabila berpuas hati bahawa wajar berbuat demikian demi kepentingan perniagaan insurans luar pesisir di Malaysia, mengecualikan pemohon atau pemegang lesen itu daripada mana-mana peruntukan Akta ini dan boleh, pada memberikan pengecualian itu, mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan-nya patut.

Kuasa untuk memberikan pengecualian.

**32.** Menteri boleh, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Akta ini dan, tanpa menjelaskan keluasan yang tersebut di atas, boleh membuat peraturan-peraturan yang—

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

(a) menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan;

- (b) mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau perniagaan atau golongan perniagaan daripada mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (c) menetapkan borang-borang yang hendaklah digunakan bagi mana-mana maksud Akta ini.

Tanggung  
mgi.

**33.** (1) Kerajaan Malaysia, Bank, pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawai Bank tidaklah boleh dikenakan apa-apa tindakan, tuntutan atau desakan oleh atau liabiliti terhadap mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati menurut atau dalam pelaksanaan atau pelaksanaan yang dimaksudkan, atau berkaitan dengan pelaksanaan atau pelaksanaan yang dimaksudkan, mana-mana kuasa yang diberikan oleh Akta ini.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia" termasuklah Menteri dan mana-mana pegawai awam dan "pegawai-pegawai Bank" termasuklah Gabenor dan Timbalan Gabenor dan mana-mana pengarah Bank,

Tak terpakai-  
nya Akta  
Insurans  
1963 dan  
Akta Tafakul  
1984.  
Akta 89.  
Akta 312.

34. Tiada pemegang lesen boleh, berkenaan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh pemegang lesen itu, menjadi tertakluk kepada mana-mana peruntukan Akta Insurans 1963 atau Akta Takaful 1984 atau mana-mana pemerbuatan semula Akta-Akta itu.

Pemakaian  
Akta Syarikat  
Luar Pesisir  
I990 dan Akta  
Syarikat 1965.

35. (1) Sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan Akta ini—

- (a) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 hendaklah terpakai bagi pemegang lesen yang ialah syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing; dan
- (b) Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai bagi pemegang lesen yang ialah cawangan suatu penanggung insurans Malaysia.

(2) Jika ada apa-apa percanggahan atau ketakconsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta-Akta yang

disebut dalam subseksyen (1) dengan Akta ini dalam pemakaianya masing-masing bagi pemegang lesen, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi peruntukan-peruntukan Akta-Akta itu.

**36.** Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh dengan apa-apa jua cara menyentuh, atau mengurangkan, peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, dan dalam pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini bagi mana-mana orang, peruntukan itu hendaklah terpakai tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu dan, sekiranya ada apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara mana-mana peruntukan Akta ini dengan Akta itu, peruntukan Akta itu hendaklah mengatasi peruntukan Akta ini.

Pemakaian  
Akta  
Kawalan  
Pertukaran  
Wang 1953.  
*Akta 17.*

## JADUAL PERTAMA

### PERSATUAN-PERSATUAN PROFESSIONAL YANG DIIKUTI DENGAN KELAYAKAN AKTUARI

(Section 2(1))

The Institute of Actuaries di England  
 The Faculty of Actuaries di Scotland  
 The Society of Actuaries di Amerika Syarikat  
 The Canadian Institute of Actuaries  
 The Australian Institute of Actuaries

## JADUAL KEDUA

### FEE LESEN TAHUNAN

(Seksyen 15)

Penanggung insurans luar pesisir yang menjalankan—

(i) perniagaan insurans am	Ringgit 30,000
(ii) perniagaan insurans nyawa	Ringgit 30,000
(iii) perniagaan insurans nyawa dan am	Ringgit 60,000
(iv) perniagaan insurans kaptif	Ringgit 10,000
Pengurus insurans luar pesisir	Ringgit 5,000
Pengurus pengunderaitan luar pesisir	Ringgit 5,000
Broker insurans luar pesisir	Ringgit 5,000

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan insurans luar pesisir.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas. Ia juga bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini. *Fasal 2* mengandungi takrif pelbagai istilah yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.
3. Bahagian **II** Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pentadbiran Akta yang dicadangkan ini. *Fasal 3* menyatakan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Bank Negara Malaysia (dalam Huraian ini disebut "Bank"). *Fasal 4* bertujuan melarang Bank, pegawai-pegawaiannya dan wakil-wakilnya mendedahkan apa-apa maklumat yang didapati semasa Bank, pegawai-pegawai dan wakil-wakil itu melaksanakan fungsi-fungsi mereka di bawah Akta yang dicadangkan ini.
4. Bahagian III Rang Undang-Undang memperkatakan pelesenan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir.

*Fasal 5* bertujuan melarang mana-mana orang menjalankan atau mengurusniagakan perniagaan insurans luar pesisir atau aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir melainkan jika orang itu dilesenkan di bawah Akta yang dicadangkan ini dan, dalam hal perniagaan insurans luar pesisir, orang itu ialah suatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia.

*Fasal 6* memperkatakan permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan insurans luar pesisir, sementara *Fasal 7* memperkatakan permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir.

*Fasal 8* bertujuan membenarkan Bank menimbangkan permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen dan membuat syor-syor kepada Menteri.

*Fasal 9* bertujuan membenarkan Menteri memberikan atau tidak memberikan lesen.

*Fasal 10* bertujuan menghendaki Bank menyiarkan, setiap tahun, suatu senarai semua pemegang lesen yang memegang lesen yang sah.

*Fasal 11* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membatalkan mana-mana lesen atas alasan-alasan yang dinyatakan dalam *subfasal (1)* dan *(2)*. *Subfasal (4)* bertujuan menghendaki Bank menyiarkan dalam *Warta* notis tentang tiap-tiap pembatalan lesen.

*Fasal 12* bertujuan membenarkan pemegang lesen menyerahkan balik lesennya dan juga bertujuan menghendaki Bank menyiarkan dalam *Warta* suatu notis bagi tiap-tiap penyerahan balik lesen.

*Fasal 13* menyatakan akibat-akibat pembatalan atau penyerahan balik lesen.

*Fasal 14* bertujuan menghendaki tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang ialah suatu syarikat luar pesisir mendapatkan kelulusan Bank bagi, dan menghendaki tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia memberitahu Bank tentang, apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada dokumen-dokumen konstituenya atau apa-apa pertukaran pengawalnya, pengaruhnya atau ketua pegawai eksekutifnya.

*Fasal 15* bertujuan menghendaki tiap-tiap pemegang lesen membayar fee tahunan kepada Bank.

5. Bahagian IV Rang Undang-Undang memperkatakan kehendak-kehendak kewangan dan kewajipan-kewajipan pemegang-pemegang lesen serta juga sekatan-sekatan atas pemegang-pemegang lesen.

*Fasal 16* bertujuan menghendaki tiap-tiap pemegang lesen melantik seorang juruaudit. Ia juga menghendaki tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir melantik seorang aktuari, sebagai tambahan kepada juruaudit, berhubungan dengan perniagaan insurans nyawanya.

*Fasal 17* bertujuan menghendaki tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir menyenggara suatu margin kesolvenan tertentu.

*Fasal 18* bertujuan menghendaki penanggung insurans luar pesisir menyimpan akaun dan wang yang berasingan berkenaan dengan perniagaan insurans luar pesisir yang berlainan jenis yang dijalankan olehnya dan berkenaan dengan wangnya yang lain.

*Fasal 19* bertujuan menghendaki tiap-tiap pemegang lesen mengemukakan kunci kira-kira tahunan terauditnya dan akaun untung ruginya kepada Bank. Selain daripada itu, penanggung insurans luar pesisir juga perlu mengemukakan akaun hasilnya dan, berhubungan dengan perniagaan insurans nyawanya, suatu laporan yang menyatakan penilaian aktuari mengenai aset-aset dan liabiliti-liabilitinya.

*Fasal 20* mengandungi larangan-larangan tertentu tentang pembukaan pejabat-pejabat dan pemerolehan atau penubuhan

subsidiari-subsidiari oleh pemegang-pemegang lesen. Ia juga bertujuan melarang penanggung insurans luar pesisir menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dari mana-mana tempat di luar Wilayah Persekutuan Labuan.

*Fasal 21* dan *22* bertujuan mengenakan sekatan-sekatan tertentu atas aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh penanggung insurans luar pesisir atau pengurus insurans luar pesisir berlesen, pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen atau broker insurans luar pesisir berlesen.

*Fasal 23* bertujuan menghendaki tiap-tiap pengurus insurans luar pesisir berlesen dan pengurus pengunderaitan luar pesisir berlesen mengemukakan kepada Bank suatu senarai semua penanggung insurans luar pesisir yang diberi khidmat-khidmat pentadbiran atau pengunderaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh pengurus sedemikian.

*Fasal 24* menyatakan beberapa kehendak yang dikenakan atas tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir dalam penjalanan perniagaannya. Satu contoh ialah bahawa penanggung insurans luar pesisir itu dikehendaki menjalankan perniagaannya dengan tekun dan cermat mengikut prinsip-prinsip insurans yang bijaksana.

*Fasal 25* bertujuan melarang pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai pemegang lesen mendedahkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan hal-ehwal dan akaun seseorang pemunya polisi.

6. Bahagian V memperkatakan pemindahan perniagaan insurans luar pesisir dan penggulungan penanggung insurans luar pesisir.

*Fasal 26* bertujuan membenarkan penanggung insurans luar pesisir memindahkan perniagaan insurans luar pesisirnya kepada penanggung insurans yang lain. Bagaimanapun, pemindahan sedemikian hanya boleh dilaksanakan melalui suatu skim yang diluluskan oleh Bank dan disahkan oleh Mahkamah Tinggi.

*Fasal 27* memperkatakan penggulungan penanggung insurans luar pesisir dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

7. Bahagian VI memperkatakan perkara-perkara am.

*Fasal 28* bertujuan memberi Bank kuasa untuk menghendaki pemegang lesen memberikan maklumat lanjut atau penjelasan jika Bank mempunyai sebab untuk percaya bahawa pemegang lesen itu telah inelanggar mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini atau mana-mana syarat yang dikenakan atas pemegang lesen itu.

*Fasal 29* memperkatakan kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti sementara *fasal 30* bertujuan memberi Gabenor kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.

*Fasal 31* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberikan pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Akta yang di-cadangkan ini.

*Fasal 32* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

*Fasal 33* mengandungi peruntukan-peruntukan tanggung rugi.

Di bawah *fasal 34* pemegang lesen tidak akan tertakluk kepada Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

*Fasal 35* memperkatakan pemakaian Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat 1965 dan *fasal 36* memperkatakan pemakaian Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini.  
[PN. (U<sup>2</sup>) 1612.]